

Kisah Sang Kancil dan Kerak Nasi

"Permit: Dr. M beri amaran bumiputra dengan jangan lagi perniagaan". Begitulah bunyi sebuah kepala besar di muka hadapan Berita Harian, Ogos 4.

Berita di bawah kepala besar berkata, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini memberi amaran kepada bumiputra yang mendapat imput permit (AP) supaya jangan lagi memperniagakannya.

Katanya, kerajaan sedar perniagaan imput permit sedang berlaku dan beliau tidak ingin melihat perkara itu berlanjutan.

* * *

Komen Penulis

Begitulah nampaknya, Datuk Seri, masih ada orang (dari golongan yang memandang ke hadapan hanya setakat batang hidung di muka sahaja) yang menganggap satu-satu permit, samada permit AP ataupun permit balak, lesen lori dan teksi, kontrek itu

dan ini, sebagai "mata-lamat" utama di dunia perniagaan dan perusahaan. Atau dalam bahasa lain, yang tidak menyedari (atau lebih tepat lagi, yang tidak dapat diyakinkan) bahawa permit disebutkan tadi hanyalah satu "alat" (atau "means") untuk membolehkan seseorang itu berniaga atau berusaha dan bukannya untuk dijadikan benda atau bahan perniagaan.

Faedah "jangka pendek" amatlah menarik, kerana, tanpa menitikkan peluh seorang pemegang permit, samada berupa AP atau permit balak, dan lain-lain, khususnya, boleh mendapat "pencen" bulanan tetap dan lumayan dari pihak yang menggunakan permit itu atau lesen berkenaan.

Sebaliknya, dari segi "jangka panjang" pula, akibatnya amatlah buruk kepada masyarakat bumiputra. Kerana, dengan cara "memajak" atau menyewakan mentah-mentah lesen ataupun permit mereka kepada "third party" dan menerima "keuntungan bersih" tanpa partisipasi, yakni, penyertaan, maka sehingga, bak kata

orang kita kucing bertanduk sekali pun bumiputra tidak akan mendeda perolehan untuk berlatih dan melayakkan diri menjadi usahawan atau ahli perniagaan yang tulin — yakni, pengusaha atau peniaga yang benar-benar boleh dibanggakan oleh masyarakat bumiputra!

Bercakap tentang "mata-lamat" dan "alat" maka teringatlah penulis kepada sebuah cerita purba yang dikisahkan oleh seorang guru kaka kepada penulis di waktu lanya berada di bangku sekolah Melayu dahulu. Beginilah bunyi cerita purba ("subject to correction" oleh sahabat penulis, Encik Zakaria Hitam super-pakar di bidang cerita purba), yang keluar dari mulut seorang guru kaka tanpa diploma ataupun degree.

Al-kisah, pada satu hari, di satu kawasan berhampiran sebatang sungai besar (samada di Pahang atau di Perak tidak pula disebutkan oleh Cikgu Kaka) yang dilanda banjir, Sang Kancil berada di atas busut dan memikirkan cara untuk menyelamatkan diri bila air mula

nalk ke busut. Pada masa itu seekor burung gagak (balk) yang terbang di kawasan yang sama telah turun berhai di atas busut yang sama.

Apabila mendengar kisah kebimbangan Sang Kancil yang tidak berkebolehan berenang maka burung gagak memberitahu Sang Kancil bahawa tidak jauh dari busut itu ada sebuah kerak nasi yang luarbiasa saiznya yang boleh diguna sebagai perahu. Maka Sang Kancil dengan panduan burung gagak (balk hati) pun pergilah ke tempat kerak nasi itu berada. Setelah sampai ke kerak nasi maka Sang Kancil bersama-sama dengan burung gagak pun masuklah ke dalam kerak nasi bersaiz luarbiasa itu. Apabila air naik maka kerak nasi pun dihanyutkan arus.

Di masa kerak nasi dan penumpang dihanyutkan arus maka terlintaslah di hati Sang Kancil bahawa tidak ada sebab mengapa ia mesti menahan lapar, kerana di bawah kakinya sendiri terdapat bahan makanan, yakni, kerak nasi. Maka tanpa memberitahu rakan-penumpang, Sang Kancil pun menebuk bahagian perut kerak nasi dengan giginya.

Setelah Sang Kancil menebuk perahu berupa kerak nasi itu dan menebuk bahagian yang menebuk maka air pun mula "perahu" berkenaan. Dalam beberapa saat sahaja "perahu" pun karam bersama-sama dengan Sang Kancil sekali, sambil si-burung gagak terbang dan hinggap di dahan kayu di seberang sana.

Begitulah kisah Sang Kancil (yang termasyhur di bidang kebijaksanaan) yang mengalami trajedi yang paling dahsyat setelah terpergah kuat oleh faedah jangka pendek tanpa samasekali memikirkan akibat perbuatannya dari segi jangka panjang.

Dengan itu, wahai saudara bumiputra, tua dan muda, yang melihat atau ingin melibatkan diri dalam perniagaan atau perusahaan, renungkanlah secara serius cerita purba yang keluar dari mulut Guru Kaka tanpa jahaz itu, kerana di dalamnya mungkin terselit mesej "sult" yang boleh dijadikan panduan hidup di hari ini.